

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 October 2015

Wujudkan akta bagi mengukuhkan peranan tangani pelbagai ancaman

Cabaran transformasi MKN

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 OKT.

KERAJAAN akan mentransformasikan Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuk mewujudkan Akta MKN ke arah memperkukuhkan fungsi dan peranan badan berkenaan dalam usaha menangani pelbagai ancaman yang kian mencabar kini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, selaras dengan perubahan geopolitik dan bentuk ancaman semasa, maka kerajaan kini dalam proses mengukuhkan MPN sebagai badan yang lebih efisien dan berkesan dalam menyelaras dasar serta strategi keselamatan negara.

Beliau berkata, langkah itu penting serta selari dengan hasrat kerajaan yang amat serius dalam memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara demi rakyat Malaysia dan generasi akan datang.

"Antara langkah adalah mengkaji semula fungsi dan peranan MKN sebagai agensi yang melaksanakan dasar termasuk keperluan untuk mewujudkan suatu akta baharu iaitu Akta MKN.

"Keperluan bagi mewujudkan MKN secara perundangan adalah seperti mana dilakukan di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, India, Jepun, Filipina, Thailand dan United Kingdom dengan rang undang-undang ini akan dibentangkan dalam mesyuarat ini," katanya.

Beliau menjawab soalan **Oatuk Noor Ehsanuddin Mohd. Harun Narrashid (BN-Kota Tinggi)** yang bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk melakukan transformasi menyeluruh terhadap MKN agar badan itu lebih efektif dalam menangani cabaran yang kian kompleks terutama membabitkan keselamatan global kini, di Dewan

Rakyat hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan, langkah untuk mentransformasikan MKN turut meliputi usaha menyemak semula arahan MKN dan prosedur operasi standard (SOP) badan berkenaan bagi memastikan segala arahan MKN masih relevan dan boleh diguna pakai sesuai dengan persekitaran semasa.

"Pengukuhan mekanisme pengurusan keselamatan peringkat negeri juga akan terus dilaksanakan menerusi aktiviti yang mampu mewujudkan kesiapsiagaan secara menyeluruh di peringkat akar umbi dan nasional," ujarnya.

Untuk tujuan itu, Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan menggubal Dasar Keselamatan negara bagi menterjemahkan hasrat dan pendirian kerajaan berhubung pemeliharaan keselamatan serta menjamin kepentingan strategik negara khususnya menjelang 2020.

"Dasar ini akan menjadi dasar utama yang memayungi dasar-dasar kerajaan lain dan akan dimurnikan bersama Dasar Pertahanan, Dasar keselamatan, Dalam negeri dan dasar-dasar berkaitan.

"Ia akan menjadi panduan kepada agensi keselamatan untuk melaksanakan fungsi dan tanggungjawab masing-masing. Dasar Keselamatan negara ini dijangka disiapkan pada awal 2016," katanya.

Tambah Najib, pengukuhan organisasi MKN turut akan dilakukan dengan meningkatkan keupayaan modal insan.

"Usaha ini dilakukan melalui penempatan pegawai yang mempunyai kemahiran pengalaman dan pengetahuan yang tinggi dalam menganalisis serta mengurus keselamatan negara berdasarkan gred jawatan yang bersesuaian sekali gus menjadikan MKN sebagai pakar rujuk oleh kementerian dan agensi berkaitan," ujar beliau.

20/10/2015



NAJIB TUN RAZAK ketika keluar meninggalkan persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN